



## *Linggi Sebagai Satu Entiti Politik*

### INSTITUSI PENGHULU DAN WILAYAH ANUGERAH REMBAU



ADA tahun 1800 Linggi telah menjadi satu perkampungan yang agak lengkap dan sara diri. Untuk melicinkan atur cara pembangunan dan kemakmuran penduduk Bugis di perkampungan baharu itu, mereka telah sepakat melantik seorang ketua. Bagi mencapai tujuan ini mereka telah mengamalkan adat yang disusun dan dipelopori oleh datuk dan nenek mereka, iaitu Datuk Awaluddin dan Datuk Serilah. Mereka telah 'bermuafakat' sesama mereka. Akhirnya mereka 'berkebulatan' memilih Dolman sebagai pemimpin.

Perlantikan Dolman adalah wajar dan cocok sekali kerana beliau ialah orang yang telah meminta izin dan restu Penghulu Rembau untuk mencari petempatan baharu. Dolman ialah orang yang menjadi pemimpin rombongan kecil yang mula-mula meneroka hutan belantara (Begbie, 1834:145) di kawasan tersebut. Beliau juga antara peneroka yang berusaha kuat untuk menjadikan kawasan tersebut sebagai sebuah petempatan baharu. Di samping itu Dolman sememangnya ada darah pemimpin kerana beliau ialah cucu Datuk Serilah, salah seorang daripada pemimpin yang datang dari Riau dan juga yang awal cuba mencari petempatan baru itu. Dolman telah diberi gelaran Penghulu Linggi tanpa sebarang gelaran khusus dan khas seperti datuk-datuk adat pembesar-pembesar negeri-negeri Melayu lain.

Agenda pertama Dolman sebagai Penghulu Linggi adalah menentukan kedudukan kawasan perkampungan baharu anak buahnya. Perkampungan baru itu diteroka dan dibuka setelah diberi kebenaran dan kuasa oleh Penghulu Rembau. Oleh itu, apakala telah dibuka perkampungan di Linggi itu adalah dianggap sebagai terletak dalam jajahan takluk kerajaan Rembau. Hasil kegiatan orang Bugis serta dengan kebenaran yang diberikan oleh Penghulu Rembau belum lagi memberikan satu 'hak milik' yang sebenarnya kepada orang Linggi. Justeru itu suatu tindakan harus

dilakukan agar penduduk di Linggi diberi pengiktirafan dan hak milik serta pengakuan yang sah dan kekal tanpa apa-apa persoalan daripada mana-mana pihak pun pada kemudian hari (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:64).

Dengan penentuan 'hak milik' ini sebagai matlamat utama, Dolman telah pergi ke Rembau menghadap Datuk Kosil, Penghulu Rembau. Beliau memaklumkan kepada Datuk Kosil tentang kejayaan orang Bugis membuka petempatan baru. Dolman juga memberitahu Datuk Kosil bahawa melalui muafakat dan kebulatan adat mereka, beliau telah dipilih dan dilantik menjadi penghulu. Dalam masa mengucapkan terima kasih atas kemurahan hati Datuk Kosil dan kerajaan Rembau memberikan kuasa untuk membuka wilayah tersebut, Dolman sebagai penghulu di petempatan baru itu telah memohon kurnia bagi pihak penduduk Linggi, agar penghulu dan kerajaan Rembau memberikan mereka 'hak milik' ke atas wilayah tersebut. Di samping itu, Dolman juga memohon agar kerajaan Rembau menentukan dengan jelas akan garisan sempadan wilayah berkenaan.

Datuk Kosil, sebagaimana dikehendaki dan diperuntukkan oleh perlembagaan adat kerajaan Rembau telah membawa permohonan Dolman itu kepada majlis pentadbiran kerajaan Rembau, iaitu Majlis Lembaga Tiang Yang Empat.<sup>1</sup> Setelah membincangkan permohonan Dolman dari segala segi dan aspek, majlis telah bersetuju untuk memberikan 'hak milik' dan menentukan garisan sempadan wilayah. Penghulu Rembau telah memberitahu Dolman tentang keputusan majlis pentadbiran kerajaan Rembau. Beliau juga memberitahu Dolman bahawa kerajaan Rembau telah berkenan menentukan garisan sempadan bagi wilayah yang dianugerah 'hak milik' kepada penduduk Bugis di Linggi, iaitu dari Kuala Seliau hingga ke Simpang Rembau dari kiri ke kanan sungai (Lingga) itu. Dan dari sebelah Rembau dari Tebing Tinggi sampai ke Bukit Mandi Angin dan Bukit Payung.

Dolman telah memegang jawatan penghulu itu selama empat tahun. Dalam tempoh tersebut beliau telah meletakkan batu asas kepada pembangunan terutama dari segi pertanian dan perladangan di petempatan baharu itu.

Pada kira-kira tahun 1803 (Sanat 1218) Dolman telah bermuafakat dengan segala orang tua di Linggi untuk menyerahkan jawatan itu kepada bapa saudaranya, Abdul Rahman. Dalam kemuafakatan itu, semua berkebulatan menerima cadangan dan kehendak Dolman itu. Manuskrip-manuskrip Linggi tidak menyatakan sebab mengapa Dolman mahu meletakkan jawatan dan mengapa pula dia mencalonkan Abdul Rahman sebagai gantinya. Dengan adanya kebulatan itu, Abdul Rahman, yang berada di Riau telah dijemput balik ke Linggi. Apabila Abdul Rahman sampai ke Linggi, Dolman telah menyerahkan jawatan penghulu kepadanya.

## LINGGI DI BAWAH PEMERINTAHAN JURAGAN ABDUL RAHMAN

Abdul Rahman, sebagai dimaklumi ialah seorang ahli perniagaan. Sebagai ahli perniagaan beliau menyedari bahawa Linggi, khususnya Pangkalan Kundang, mempunyai potensi untuk maju sebagai sebuah pusat perdagangan entrepot kecil. Pangkalan Kundang terletak kira-kira di pertengahan jalan di antara kawasan perlombongan bijih timah, Sungai Ujong dengan pasar antarabangsa, Melaka. Abdul Rahman mewawaskan bahawa Pangkalan Kundang, sebagai sebuah entrepot boleh menjadi pasar pertukaran barang-barang dagangan. Barang-barang keperluan harian seperti beras, garam, tembakau, minyak, ikan masin, belangan, kain, candu dan sebagainya, yang datang dari Melaka dan kawasan pantai timur Pulau Sumatera boleh ditukar dengan barang-barang perdagangan khususnya bijih timah dari kawasan pedalaman, iaitu dari Sungai Ujong dan kawasan sekitarnya.

Untuk sekian lama bahan dagangan seperti lada serta hasil hutan dan bijih timah yang dianggap sebagai komoditi berharga di pasaran antarabangsa, telah dibawa keluar melalui jalan darat. Barang-barang tersebut, dari Sungai Ujong, khususnya dari Sala dan Jiboi, iaitu antara kawasan pengeluaran bijih timah utama pada ketika itu, diangkut ke Pangkalan Tok Bandar (Lubuk China sekarang) melalui Jemampong, Kundur, dan Pilin (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:232). Dari Pangkalan Tok Bandar, melalui Sungai Penajis (sekarang Sungai Rembau), barang-barang itu dibawa dengan perahu ke Melaka. Masa yang diperlukan untuk mengangkut keluar barang-barang tersebut agak lama dan jumlah yang boleh dibawa pada sekali angkutan adalah sedikit.

Selain jalan darat, komoditi itu boleh juga dibawa melalui jalan sungai, iaitu dari Jiboi dan Sala melalui Sungai Batang Penar (Sungai Linggi sekarang) hingga ke Pangkalan Kundang (Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:238). Dari Pangkalan Kundang ia dibawa ke Kuala Linggi dan seterusnya dibawa ke Melaka. Namun, sebelum tahun 1803/4 jalan sungai di antara Sungai Ujong dengan Pangkalan Kundang tidak boleh dilalui. Aliran sungainya terlalu semak dan banyak halangan. Perahu kecil pun tidak boleh melaluinya.

Abdul Rahman sebagai seorang yang biasa berniaga di Melaka, Riau dan Pulau Jawa mengetahui bijih timah ialah komoditi penting dalam pasaran dunia pada ketika itu (Hall, 1987:428). Para pedagang, baik dari Eropah, China, dan India sangat menginginkannya. Kebetulan pula, kawasan pedalaman Linggi, Sungai Ujong adalah salah sebuah negeri pengeluaran bijih timah utama.<sup>2</sup>

Sehingga sekitar tahun 1800 bijih timah dieksport merentasi jalan darat sehingga ke Pangkalan Tok Bandar, Rembau. Justeru itu, kerajaan Rembau telah menimba keuntungan daripada pengeksportan bijih timah Sungai

Ujong. Ini bererti Linggi tidak mendapat sebarang ganjaran daripada kehidupan ekonomi di Sungai Ujong.

Abdul Rahman menyedari hakikat bahawa Linggi, khususnya Pangkalan Kundang boleh terlibat dan mendapat bahagian daripada kehidupan ekonomi malahan boleh menimba keuntungan daripada pengeluaran bijih timah di Sungai Ujong. Untuk tujuan ini orang Linggi harus mencari dan meneroka jalan alternatif bagi pengangkutan barang dagangan dari Sungai Ujong. Jalan alternatif baru itu haruslah lebih baik dan menguntungkan daripada jalan darat yang sedia ada.

Setelah mempertimbangkan segala kemungkinan, Abdul Rahman dan orang tua-tua di Linggi berkebulatan membuka jalan sungai. Untuk tujuan ini, Sungai Batang Penar harus dibersihkan. Tugas membersihkan sungai itu telah diserahkan kepada sekelompok orang Linggi dan Mahmud<sup>3</sup> (adik kepada Dolman dan cucu Datuk Serilah) dilantik sebagai ketua. Setelah beberapa lama barulah sungai itu dapat dibersihkan. Namun sebagai permulaan, hanya sampan-sampan kecil yakni sampan kulit kayu sahaja yang boleh melaluinya.

Setelah sungai itu dibersihkan, Mahmud dengan menaiki 'sebuah perahu kulit' telah memudiki Sungai Batang Penar (Sungai Linggi) untuk ke Sungai Ujong membawa dagangan seperti garam, beras dan lain-lain untuk diniagakan di sana. Perahu Mahmud telah ditahan oleh pihak berkuasa Sungai Ujong<sup>4</sup> kerana berkehendakkan cukai. Mahmud perlu membayar cukai kerana dianggap sebagai 'orang asing' dan telah menggunakan Sungai Batang Penar tanpa kebenaran Datuk Kelana Putera Bahi<sup>5</sup> (1800-30), Penghulu Sungai Ujong. Mahmud enggan membayar cukai itu kerana beliau ialah orang Linggi dan Linggi telah dibuka atas kebenaran Penghulu Rembau. Oleh itu beliau berpendapat pihak berkuasa Sungai Ujong tidak harus menghalang orang Linggi daripada menggunakan sungai tersebut untuk membawa dagangan. Tambahan pula, sungai itu boleh dimudiki atas daya usaha orang Linggi (Abdul Aziz Salleh, 1973:66).

Untuk mengatasi masalah pencukaian itu, Mahmud telah dibawa menghadap Datuk Kelana Bahi. Mahmud telah menerangkan kedudukannya dan mengapa beliau tidak mahu membayar cukai tersebut. Untuk tidak menimbulkan sebarang sengketa dengan kerajaan Rembau, Datuk Kelana Bahi telah meminta kepastian daripada Datuk Leha Maharaja Kosil, Penghulu Rembau tentang dakwaan Mahmud itu<sup>6</sup> ('Salinan Surat Datuk Muda Muhammad Bastam Kepada Tuan Residen Negeri Sembilan').<sup>7</sup> Sebagai jawapan, Penghulu Rembau telah mengutus seorang Lembaganya memaklumkan kepada Datuk Kelana Bahi bahawa kerajaan Rembau sememangnya telah memberi kebenaran kepada orang keturunan Bugis membuka Linggi. Sehubungan dengan anugerah itu, kerajaan Rembau juga telah 'mengkadimkan'<sup>8</sup> kawasan baru itu (Kampung Linggi dan sekitarnya) dan penduduknya dianggap sebagai anak buah kepada kerajaan Rembau.

## LINGGI SEBAGAI WILAYAH KADIM REMBAU DAN SUNGAI UJONG

Setelah mengetahui kedudukan dan status orang Linggi, Datuk Kelana Bahi yang tidak mahu kalah kepada kerajaan Rembau, telah mengisytiharkan bahawa orang Linggi tidak perlu membayar cukai untuk menggunakan Sungai Batang Penar. Selain itu, secara sedar Datuk Kelana juga telah mengambil keputusan dan membuat ketetapan menyokong dan memperkuatkan lagi tindakan dan langkah yang telah diambil oleh kerajaan Rembau menyatakan bahawa jikalau (Linggi) sudah anak kepada Rembau anaklah kepada Semujong.<sup>9</sup> Mulai peristiwa itu, yang mungkin berlaku pada sekitar tahun 1804/5 termaktublah ketetapan pusaka orang Linggi itu melalui perbilangan 'beremak ke Rembau berbapa(k) ke Sungai Ujong'. Sehubung dengan proses pengkadiman oleh kerajaan Sungai Ujong itu, sebagai tanda mata atau anugerah 'bapa' (kerajaan Sungai Ujong) kepada 'anak kadim'nya (Linggi), Datuk Kelana Bahi telah memberikan kawasan 'dari Kuala Seliau sampai ke Simpang Rembau di kiri kanan sungai itu' (Manuskrip 'Salinan Surat Cikgu Abbas Kepada D.O. Port Dickson Tarikh 28.7.24 yang difail dalam D.O.P.D. 221/23').

Pemberian kawasan oleh Datuk Kelana Bahi ini telah memantapkan lagi kedudukan politik Linggi. Mulai kira-kira tahun 1804/5, Linggi bukan lagi hanya sebuah perkampungan Bugis tetapi telah dianggap sebagai wilayah. Kawasan yang merangkumi wilayah Linggi itu adalah hasil daripada pemberian 'emak' (kerajaan Rembau) dan 'bapa' (kerajaan Sungai Ujong) kepada 'anak angkat' (Linggi). Kawasan yang diberi oleh kerajaan Sungai Ujong yang bersempadan di sebelah hulunya Kuala Seliau, terus ke Bertam Beranyam di hulu Sungai Raya dan Sungai Serban. Dari Sungai Serban terus ke Bukit Tiga. Dari Bukit Tiga terus ke kuala Sungai Linggi mudik hingga ke kawasan Permatang Pasir yang terletak bertentangan dengan Bukit Mandi Angin, seterusnya ke Tampin Kecil hingga ke Bukit Payung di Kuala Linsum hingga ke Kuala Seliau (Gullick, 1949:59; Abdul Aziz bin Salleh, 1973:70).

Dengan berlakunya proses pengkadiman Linggi oleh Rembau dan Sungai Ujong ini seperti juga adat berkadim anak, iaitu adat istiadat mengambil anak angkat, bermakna kerajaan-kerajaan Rembau dan Sungai Ujong mengiktiraf kewujudan Linggi sebagai sebuah wilayah. Sebagai sebuah wilayah yang mempunyai sempadan-sempadan tertentu dan terhad seperti yang dinyatakan, Linggi diberi kuasa dan pusaka yang berkuatkuasa di dalam lingkungan sempadan wilayah tersebut. Selanjutnya, melalui proses kadim ini juga Linggi diberi kuasa dan mempunyai status.

Pemberian status melalui proses pengkadiman ini meletakkan Linggi dalam satu keadaan unik. Status 'anak angkat' tidak sama dengan status daerah-daerah (kampung-kampung) di Sungai Ujong dan di Rembau;

namun dari segi taraf kedudukan, wilayah Linggi telah dianggap setaraf dan bersaudara atau sewaris dengan daerah-daerah di dalam kerajaan-kerajaan Rembau dan Sungai Ujong. Mengikut adat kadim, wilayah Linggi itu dari segi pentadbiran politik Rembau, Sungai Ujong dan Linggi sendiri ialah: "Adapun pusaka orang Linggi itu beremak ke Rembau berbapa ke Semujung delapan buah kampung dalam Rembau<sup>10</sup> sembilan dengan Linggi. Waris dua dalam Semujung<sup>11</sup> tiga dengan Linggi " (salinan surat Datuk Muda Bastam kepada Tuan Residen Negeri Sembilan).

Dengan adanya pengiktirafan 'anak angkat' ke atas Linggi oleh kerajaan Sungai Ujong maka masalah penggunaan Sungai Batang Penar sebagai jalan lalu lintas perdagangan dapat diatasi. Datuk Kelana Bahi, Penghulu Sungai Ujong yang menyedari bahawa Sungai Batang Penar boleh menjadi laluan yang berpotensi dalam pembangunan dan perkembangan ekonomi Sungai Ujong telah memberikan kerjasama kepada pemimpin Linggi 'membersihkan' dan 'memperbaiki' kemudian 'membuka' laluan di sungai tersebut. Dengan adanya kerjasama antara kedua-dua orang pemimpin itu, jumlah lalu lintas perdagangan antara Sungai Ujong dan Melaka semakin meningkat. Seiring dengan pembangunan Sungai Batang Penar itu, wilayah Linggi mulai memegang peranan dalam perdagangan atau ekonomi di Selat Melaka.

#### ABDUL RAHMAN PERINTIS PEMBANGUNAN EKONOMI LINGGI

Pada masa Abdul Rahman mengambil alih teraju pentadbiran daripada Dolman, Linggi masih merupakan sebuah perkampungan sara diri. Beliau tidak berpuas hati dengan keadaan tersebut. Sebagai seorang veteran dalam perniagaan antarabangsa, Abdul Rahman menganggap perlantikannya sebagai penghulu itu sebagai satu cabaran. Untuk itu, beliau harus berusaha gigih dan menumpukan sepenuh tenaga dan masanya terhadap pembangunan Linggi. Namun, pada masa yang sama, beliau tidak mahu kerjaya dan usaha perdagangan peribadinya terbiar sahaja. Dengan demikian, beliau telah menyerahkan pengurusan perdagangannya kepada mentaninya, Mohamad Attas.

Sebagai seorang ahli perniagaan, Abdul Rahman dalam membina Linggi banyak memberi tumpuan kepada perkembangan perdagangan atau pembangunan ekonomi. Langkah pertama dilakukannya, adalah membuka Sungai Batang Penar (Sungai Linggi). Pembukaan sungai tersebut dan kerjasama yang diberikan oleh Datuk Kelana telah dieksploitasinya dengan sepenuhnya. Ini meletakkan wilayah Linggi menjadi sebuah kawasan yang terkenal (Khoo Kay Kim, 1972:48).

Semasa menjadi pemimpin atau Penghulu Linggi, Abdul Rahman telah menjalankan dua peranan yang bertindan lapis. Pertama, sebagai pemim-

pin pentadbiran dan politik. Kedua, sebagai pemimpin yang terlibat secara langsung dalam perdagangan. Usaha Abdul Rahman dalam kedua-dua aspek ini cepat mencapai kejayaan. Ini adalah hasil daripada adanya kerjasama yang diberikan oleh Datuk Kelana pada awal pemerintahannya.

Kemunculan Linggi sebagai sebuah wilayah yang maju dan berjaya pada awal abad ke-19 adalah berkait erat dengan perkembangan perdagangan bijih timah di Sungai Ujong. Linggi bukannya sebuah wilayah yang menghasilkan bijih timah, iaitu komoditi yang sangat diperlukan oleh pedagang-pedagang Timur dan Barat. Faktor yang menyebabkan Linggi terkenal dalam konteks perdagangan ialah disebabkan kedudukannya yang strategi dalam laluan pengeksportan komoditi, iaitu bijih timah. Bijih timah yang dihasilkan di kawasan Sungai Ujong untuk diperniagakan harus dieksport melalui kawasan yang berada di bawah kekuasaan Penghulu Linggi (Newbold, 1839, (1971), Jil. 2:94). Kedudukannya adalah kira-kira di pertengahan jalan antara pusat pengeluaran dan pusat perdagangan. Oleh sebab sejak tahun 1804/5 Linggi telah berhubung erat dengan kawasan Sungai Ujong maka antara kedua-dua orang penguasa itu terjalin ikatan kerjasama dalam dunia perdagangan (Khoo Kay Kim, 1972:48). Justeru itu, kedua-dua pihak telah meraih keuntungan daripada hasil perdagangan bijih timah.

Sebagai yang dinyatakan, Abdul Rahman pada zaman awal pemerintahannya sebagai penghulu telah berusaha membersihkan Sungai Linggi (Sungai Batang Penar) untuk laluan perahu membawa barang-barang perdagangan dari dan ke Sungai Ujong. Usaha ini telah mencapai kejayaan apabila sungai itu telah digunakan oleh penguasa dan perdagangan bijih timah daripada luar. Ini bererti, sungai tersebut telah mampu melaksanakan fungsinya, dan dianggap sebagai jalan yang paling baik untuk sampai ke kawasan Sungai Ujong (Cowan, 1961:40).

Dengan terbukanya Sungai Linggi, beberapa orang Cina dari Sungai Ujong telah membuat perjanjian dengan Abdul Rahman berhubung dengan perdagangan bijih timah. Dalam perjanjian itu kedua-dua pihak bersetuju bahawa bijih timah dari Sungai Ujong akan dibawa menghilir sehingga ke Linggi. Dari Linggi komoditi itu dibawa pula ke Melaka. Perjanjian ini kemudian telah diperkenankan oleh Datuk Kelana Bahi, Penghulu Sungai Ujong. Dengan termetrinya perjanjian itu, Abdul Rahman telah memperbaiki pangkalan-pangkalan dan membina beberapa buah gudang untuk menyimpan barang-barang. Perjanjian itu telah memberi faedah kepada pemimpin Linggi dan Sungai Ujong. Pemerintah Linggi telah memperolehi sejumlah pendapatan daripada persefahaman perdagangan itu. Datuk Kelana Sungai Ujong juga telah mendapat keuntungan dan perusahaan bijih timah menjadi bertambah pesat.

Di samping memperkenankan perjanjian antara Abdul Rahman dan orang Cina, Datuk Kelana juga telah memberi kebenaran kepada Abdul

Rahman membuka lombong di Sungai Ujong. Untuk menguasai lombong-lombong tersebut, Abdul Rahman telah mengupah orang Cina dengan wang yang diperolehinya daripada saudagar-saudagar di Melaka (Khoo Kay Kim, 1972:48). Setiap kali bijih itu dihasilkan, tanpa mengira berapa jumlah pengeluarannya, Datuk Kelana Putera akan diberi tiga bahara<sup>10</sup> berharga tiga puluh ringgit setiap satu bahara; dan pada tiap-tiap sebuah lombong yang dikerjakan, tuan tanah kawasan lombong itu akan dibayar sewa enam ringgit sebulan (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:121; Khoo Kay Kim, 1972:48; (Newbold (1971), Jil. 2:104).

Ini menunjukkan bahawa Abdul Rahman bukan sahaja bertindak sebagai seorang pembesar yang berfungsi juga sebagai penguasa dan pemungut cukai lalu lintas perdagangan di Sungai Linggi terutama bijih timah. Secara langsung beliau juga terlibat dalam perusahaan perlombongan. Penglibatan Abdul Rahman dalam perusahaan bijih timah, tindakannya mengenakan cukai di Sungai Linggi, dan persefahamannya dengan pemerintah Sungai Ujong telah mengasaskan perkembangan ekonomi Linggi, serta hak dan kewibawaan pemimpin-pemimpin Linggi yang kemudian daripadanya. Hak dan kewibawaan ini telah berkuat kuasa ke atas institusi perdagangan di Sungai Linggi khususnya dan ke atas perusahaan perlombongan di Sungai Ujong amnya (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:124).

Lebih kurang lima tahun selepas Abdul Rahman mengambil alih jawatan Penghulu, Linggi telah menunjukkan perkembangan dan pembangunan positif dari segi ekonomi, politik dan sosial. Perubahan dan perkembangan itu bukan sahaja terhad kepada wilayah Linggi, tetapi telah menjangkau pula kepada perkembangan pergolakan serta perubahan-perubahan politik, ekonomi dan sosial bagi Sungai Ujong dan Rembau khasnya, serta Negeri Sembilan amnya (Abdul Aziz bin Salleh, 1973:73). Pendek kata, Linggi telah melangkah masuk ke zaman kejayaan dalam dunia ekonomi dan keadaan ini telah memberi kesan kepada kawasan-kawasan jirannya. Justeru itu, maka dapat diandaikan bahawa Abdul Rahman, Penghulu Linggi kedua adalah perintis yang meletakkan dan memberi tempat kepada Linggi dalam dunia perdagangan. Keadaan dan kedudukan ini kemudiannya diikuti dan diperkukuh lagi oleh pemimpin-pemimpin (Datuk Muda) Linggi lainnya.

#### ASAL GELARAN DATUK MUDA LINGGI

Setelah Linggi mula menunjukkan perkembangan positif dari segi ekonomi dan politik, Abdul Rahman telah menyerahkan secara tidak rasmi sebahagian besar jentera dan kuasa pentadbiran 'kerajaan' Linggi kepada anak menantunya, Mohamad Attas. Penyerahan sebahagian daripada kuasa ini mungkin dilakukan dengan sengaja atas beberapa sebab tertentu. Antara sebab-sebab tersebut ialah:



1. Abdul Rahman pada sekitar tahun 1810 telah agak berumur. Lantaran itu beliau tidak lagi mahu terlibat secara aktif dalam hal ehwal politik dan pentadbiran 'kerajaan' Linggi.
2. Abdul Rahman juga ingin bergiat secara langsung dengan kerjaya yang telah sebatang dengannya, iaitu berniaga dan belayar. Beliau mahu menghabiskan sisa-sisa hidupnya dengan melakukan apa yang menjadi keutamaan baginya.
3. Dengan menyerahkan kuasa sedikit demi sedikit ini beliau dapat melatih dan memberi pengalaman kepada Mohamad Attas tentang tugas, fungsi dan tanggungjawab serta peranan seorang penghulu atau pentadbir 'kerajaan'.
4. Secara tidak langsung, dengan penyerahan kuasa tidak rasmi ini, Abdul Rahman telah menunjukkan kepada penduduk wilayah Linggi siapa yang dipercayainya; dan justeru itu siapa yang beliau minat sebagai penggantinya.
5. Dengan cara ini Mohamad Attas dapat membina satu *repertoire* dengan rakyat serta orang luar (termasuk pembesar-pembesar negeri jiran, ahli-ahli perniagaan yang berkepentingan dengan Linggi) dalam hal-hal ekonomi, politik dan sosial Linggi dan sebaliknya.
6. Dengan cara ini juga Abdul Rahman telah memastikan bahawa proses penggantian atau pengambilalihan kuasa penghulu Linggi berjalan dengan lancar tanpa menimbulkan sebarang pertelingkahan, apabila beliau meninggal dunia.

Dengan berlakunya penyerahan kuasa tidak rasmi ini, Abdul Rahman telah giat semula sebagai ahli perniagaan. Beliau sering meninggalkan Linggi dan belayar ke Melaka, Singapura malahan ke seluruh kepulauan Melayu untuk menguruskan perniagaannya. Jika berada di Linggi, beliau sering pula pergi berniaga sama ada di Sungai Ujong ataupun Rembau. Oleh sebab beliau jarang berada di Linggi maka Mohamad Attas telah menyampaikan arahan dan perintah atas nama bapa mentuanya, Abdul Rahman, dan tidak kurang pula perintah dan arahan daripada beliau sendiri.

Orang Linggi, terutama sekali di kalangan hamba-hamba,<sup>11</sup> kadangkala terkeliru tentang arahan atau perintah yang datang dari balai penghulu sama ada daripada Abdul Rahman atau wakilnya, Mohamad Attas. Untuk itu, setiap kali arahan dikeluarkan, orang Linggi sering kali bertanya sama ada arahan itu datang dari Datuk Tua, iaitu Abdul Rahman atau Datuk Muda yang bermaksud Mohamad Attas. Pada masa Abdul Rahman (Datuk Tua) berada di Linggi pun rakyat terpaksa bertanya dahulu kepada orang yang menyampaikan arahan itu sama ada ia datang daripada Datuk Tua atau Datuk Muda (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:69-70). Berhubung dengan cara panggilan ini, Cikgu Abdul Samad bin Zainuddin menyatakan:

... Di masa hidupnya lagi adalah Tok Jeragan Abdul Rahman itu biasalah disuruhnya Mohamad Attas itu menolong menguruskan kerja-kerjanya. Oleh itu siapa datang hendak berjumpa ketua Linggi itu maka bertanya ia 'Datuk mana kita hendak dapatkan. Datuk Tua atau Datuk Muda'. Datuk Tua itu ialah Tok Juragan Abdul Rahman dan Datuk Muda ialah Mohamad Attas. . . .

(manuskrip catatan Cikgu Abdul Samad bin Zainuddin)

Oleh itu jelaslah bahawa gelaran Datuk Muda itu bukan dianugerahkan oleh mana-mana pembesar kepada pemimpin Linggi tetapi berpunca daripada satu gelar panggilan terhadap Mohamad Attas. Tujuan gelaran itu diberikan adalah untuk membezakan antara penghulu Linggi (yang lebih tua) sebenar dengan 'pemangku'nya (yang lebih muda). Penggunaan gelaran itu kepada Mohamad Attas telah berlangsung untuk lebih kurang sepuluh tahun. Justeru itu, panggilan Datuk Muda (Tok Muda) telah sehati dan menjadi kebiasaan apabila rakyat Linggi merujuk kepada Mohamad Attas.

Pada tahun 1820, Abdul Rahman telah meninggal dunia. Segala orang tua dan waris Linggi telah bermuafakat dan berkebulatan melantik Mohamad Attas sebagai penghulu baharu menggantikan bapa mentuanya, Abdul Rahman. Oleh sebab gelaran Datuk Muda itu telah 'sehati' dengan Mohamad Attas, selepas perlantikan itu, beliau kekal dipanggil Tok Muda (Datuk Muda). Penggunaan gelaran Datuk Muda ini kemudian telah mendapat persetujuan dan restu daripada penghulu-penghulu Rembau dan Sungai Ujong. Dengan adanya restu daripada 'ibu' (Rembau) dan 'bapa' (Sungai Ujong) gelaran tersebut kekal menggantikan panggilan Penghulu Linggi sehingga hari ini (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:70-71).

1. Lembaga Tiang Balai ialah majlis pentadbiran tertinggi kerajaan Rembau. Pada sekitar tahun 1800 majlis ini terdiri daripada empat orang Datuk Lembaga daripada empat buah suku di Rembau Baruh. Mereka ialah Datuk Gempa Maharaja (suku Batu Hampar), Datuk Merbangsa (suku Payakumbuh), Datuk Bangsa Balang (suku Tiga Nenek), dan Datuk Samsura Pahlawan (suku Mungkal). Untuk keterangan lanjut tentang fungsi dan peranan Majlis Lembaga Tiang Balai dalam kerajaan Rembau, lihat Norhalim Hj. Ibrahim, 1995:78-9).

2. Antara kawasan bijih timah di Sungai Ujong ialah Sala, Sa Maraboh, Batu Lobong, Kayu Ara dan Tamiong (Newbold, Jil. II, 1839(1971):94).

3. Manuskrip 'Salinan Surat Datuk Muda Muhammad Bastam kepada Tuan Residen Negeri Sembilan' menyatakan laluan Sungai Batang Penar telah dibersihkan pada zaman pemerintahan Penghulu Dolman. Manuskrip ini tidak menyatakan nama ketua rombongan orang yang menjalankan tugas itu. Manuskrip-manuskrip 'Membuka Linggi, Fasal Peringatan Orang Yang Mula-mula Membuka Linggi', dan 'Fasal Peringatan Orang Yang Mula-mula

Membuka Linggi dan Yang Jadi Ketuahan' tidak menyebut nama pemimpin kumpulan yang membuka sungai itu. Bagaimanapun, ketiga-tiga buah manuskrip itu sekata bahawa pemberisihan Sungai Batang Penar itu dilakukan pada zaman pemerintahan Penghulu (Jeragan) Abdul Rahman.

4. Manuskrip Linggi tidak menyatakan di mana Mahmud ditahan. Besar kemungkinan beliau ditahan di Jiboi.

5. Manuskrip 'Salinan Surat Datuk Muda Muhammad Bastam Kepada Tuan Residen Negeri Sembilan' menyatakan Penghulu Sungai Ujong pada ketika itu ialah Datuk Kelana Badur. Ini tidak mungkin kerana Datuk Kelana Badur mula menjadi Penghulu Sungai Ujong kira-kira pada tahun 1760. Datuk Kelana Badur telah diganti oleh Datuk Kelana Leha yang menjadi penghulu kira-kira pada tahun 1780 (lihat Buyong Adil, 1981:6-7). Jika kita menerima pendapat manuskrip ini bahawa Sungai Batang Penar itu dibuka oleh Dolman, iaitu pada sekitar akhir tahun 1800, maka Datuk Kelana pada ketika itu, bukannya Datuk Kelana Badur tetapi Datuk Kelana Bahi yang telah dijadikan penghulu pada kira-kira tahun 1800. Berhubung dengan perkara ini Gullick (1949:59) juga telah membuat kesilapan. Gullick menyatakan bahawa peristiwa ini telah berlaku pada zaman pemerintahan Datuk Kelana Leha.

6. Menurut Manuskrip 'Salinan Surat Cikgu Abbas Kepada D.O. Port Dickson tarikh 28.7.24 Yang Difail Dalam D.O.P.D. 221/23', Mahmud sendiri telah pergi '... menghadap Datuk Rembau mengadukan hal itu. Kemudian Datuk Rembau pun menyuruh seorang Lembaganya bersama-sama menghadap Datuk Kelana. . . .'

7. Manuskrip 'Salinan Surat Datuk Muda Muhammad Bastam Kepada Residen British Negeri Sembilan' tidak menyatakan nama orang Linggi yang dikehendaki membayar cukai itu.

8. 'Mengkadimkan' bermaksud menjadikan 'anak angkat'. Dalam proses berkadim ibu bapa yang mengambil seseorang sebagai anak angkat akan memberi harta kepada orang yang dikadimkan itu.

9. Hampir kesemua Manuskrip Linggi yang mengisahkan peristiwa ini mengakui kebenaran fakta ini.

10. Satu bahara bersamaan beratnya dengan tiga pikul atau tiga ratus kati.

11. Sebelum kedatangan British, orang Linggi, terutama sekali di kalangan mereka yang berada mempunyai hamba. Institusi hamba ini telah diharamkan oleh kerajaan British apabila Linggi dimasukkan di bawah naungannya.